



## JABATAN PERUMAHAN NEGARA

### BAHAGIAN PELESENAN PEMAJUAN PERUMAHAN

ARAS 31, NO. 51  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 4000 / 5000  
Faks : 03-8891 3185  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-Mail : pelesenan@kpkt.gov.my

Ruj. Kami : ( ) KPKT/07/L/  
Tarikh :

### **BL 2: SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMAJU PERUMAHAN & PERMIT IKLAN DAN JUALAN**

- (1) Senarai harga jualan bagi baki unit yang masih belum dijual
- (2) Satu (1) salinan draf iklan bagi **Brosur** dan cadangan iklan-iklan lain. **Brosur** dalam Bahasa Malaysia adalah dimestikan.
- (3) Surat iringan pemaju yang menyatakan tujuan permohonan pembaruan lesen / permit / lesen & permit.

#### **CATATAN**

- (i) Draf iklan brosur dan cadangan iklan-iklan lain hendaklah mencatatkan butiran pemajuan yang lengkap sepetimana kehendak Peraturan 6, Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1989 dengan mencatatkan :
  - a) Nombor lesen pemaju *DAN* tempoh sahlaku.
  - b) Nombor permit iklan & jualan *DAN* tempoh sahlaku.
  - c) Nama pemaju beserta alamat lengkap dan no. telefon.
  - d) Jenis **Pegangan** tanah – (Kekal / Bebas, Pajakan, Rizab Melayu) *DAN* **Bebanan** (gadaian) tanah - (nyatakan nama institusi gadaian). Jika **berstatus pajakan**, tarikh tamat tempoh pajakan tanah dan sekatan kepentingan hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam draf iklan.
  - e) Perihalan (spesifikasi) rumah tempat tinggal – termasuk mana-mana tempat letak kereta yang merupakan petak aksesori bagi rumah tempat tinggal dalam sesuatu petak dan yang tidak menjadi sebahagian daripada harta bersama rumah itu.
  - f) Nama pemajuan perumahan (jika ada).
  - g) Tarikh **pemajuan perumahan** dijangka siap – nyatakan bulan dan tahunnya.
  - h) Harga jualan **minimum** dan **maksimum** bagi setiap jenis rumah tempat tinggal.
  - i) **Bilangan unit** bagi setiap jenis rumah.
  - j) Nama Pihak Berkuasa (PBT) yang meluluskan pelan bangunan *DAN* nombor rujukannya.
- (ii) Draf iklan brosur hendaklah mencatatkan **pelan lantai tipikal** dengan **perincian ukuran** ruang yang jelas beserta **spesifikasi** dalam Bahasa Malaysia.
- (iii) Penyataan “.....tertakluk kepada pindaan....” hendaklah dibatalkan / dibuang daripada kesemua draf iklan.

**\*\*\* SILA AMBIL TINDAKAN BAGI DOKUMEN SEPERTI TERSENARAI DI ATAS**

.....  
( )

*b.p. PENGAWAL PERUMAHAN*